

KONSONAN BERASPIRASI DALAM DIALEK MELAYU SEMENANJUNG MALAYSIA: TINJAUAN DI BALING, KEDAH

(*Aspirated Consonants in Malay Dialects of Peninsular Malaysia: A Survey in Baling, Kedah*)

Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani¹  
khairulanwar@uitm.edu.my

Mohd Tarmizi Hasrah²  
h.tarmizi@uum.edu.my

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.¹

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.²

Pengarang koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Mohd Tarmizi Hasrah. (2024). Konsonan beraspirasi dalam dialek Melayu Semenanjung Malaysia: Tinjauan di Baling, Kedah. *Jurnal Bahasa*, 24(2), 185–216. [https://doi.org/10.37052/jb24\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jb24(2)no1)

Peroleh: Received:	2/8/2024	Semakan: Revised	13/9/2024	Terima: Accepted:	7/10/2024	Terbit dalam talian: Published online:	27/11/2024
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	------------

Makalah ini telah melalui penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Aspirasi ialah ciri linguistik yang asing dalam dialek Malayik di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat kekecualian bagi pernyataan ini kerana sebahagian kecil daripada dialek tempatan yang dituturkan di bahagian utara Semenanjung Malaysia, khususnya di kawasan sempadan Malaysia–Thailand, ternyata memperlihatkan ciri aspirasi dalam sistem fonologinya. Antara dialek Malayik Semenanjung Malaysia yang mendapat ciri tersebut termasuklah dialek Melayu Baling. Dengan berdasarkan gelintaran terhadap kajian terdahulu, faktor utama yang mewujudkan ciri aspirasi dalam dialek Melayu Baling ialah kontak linguistik. Oleh itu, dialek sejatinya tidak mempunyai aspirasi. Contohnya, dialek Melayu Baling menerima

ciri tersebut setelah berkontak dengan bahasa lain, iaitu bahasa Siam. Dalam makalah ini, kontak yang mewujudkan ciri aspirasi dibincangkan dengan terperinci menerusi paparan latar sejarah dan sosial. Selain kontak, makalah ini menampilkan perbincangan yang mengaitkan penyebaran aspirasi secara meluas dan tekal dalam dialek Melayu Baling dengan mekanisme inovasi dalaman linguistik, terutamanya yang melibatkan proses penyingkatan suku kata dan analogi. Perbincangan makalah ini diakhiri dengan jangkaan tentang ketekalan ciri aspirasi dalam dialek Melayu Baling yang mungkin terhakis akibat dua faktor. Pertama, persempadanan geopolitik yang membataskan kontak dengan bahasa Siam. Kedua, intensiti kontak yang tinggi dengan dialek Melayu Kedah ekoran persempadanan geopolitik yang berkemungkinan menghadirkan semula konsonan hentian tidak bersuara tanpa sebarang elemen hembusan sebagai penanda ciri aspirasi. Dapatan kajian ini menegaskan keperluan penggabungan unsur dalaman dan luaran linguistik bagi menjelaskan fenomena dialek agar sebarang teori yang terbit daripadanya lebih berpada dan bertepatan dengan kenyataan penyebaran dialek secara geografi dan histori.

Kata kunci: Konsonan beraspirasi, aspirasi, Malayik, dialek Melayu Baling, kontak, analogi

Abstract

Aspiration is a foreign linguistic feature in Peninsular Malaysia. However, there are exceptions to this statement. This is because a small part of the local dialects spoken in the northern part of Peninsular Malaysia, especially along the Malaysia-Thailand border, apparently contains aspiration features in their phonological system. Among the Malayic dialects in Peninsular Malaysia that contain this feature is the Baling Malay dialect. Based on a review of previous studies, the main factor that created this feature in the Baling Malay dialect is linguistic contact. Therefore, pure dialects actually have no aspiration. For instance, the Baling Malay dialect received this feature after contact with the Siamese language. In this paper, the contact that created this feature of aspiration is discussed in detail from social and historical perspectives. In addition, this paper presents a discussion that links the widespread diffusion of aspiration in the Baling Malay dialect with internal linguistic innovation mechanisms, particularly the process of syllable shortening and analogy. The paper concludes with the possibility that the consistency of aspiration in the Baling Malay dialect may be eroded by two factors. The first is the geopolitical boundaries that limited contact with the Siamese

language. The second is the high intensity of contact with the Kedah Malay dialect due to geopolitical boundaries that likely revived voiceless stop consonants without any exhalation element as a characteristic marker of aspiration. The findings of this study confirm the need to integrate internal and external linguistic elements in order to accurately explain the geographical and historical distribution of dialects, ensuring that any theory derived from this integration is adequate.

Keywords: Aspirated consonant, aspiration, Malayic, Baling Malay dialect, contact, analogy

PENDAHULUAN

Aspirasi dikelaskan sebagai bunyi berartikulasi sekunder. Artikulasi sekunder merujuk kelas bunyi yang dihasilkan tanpa melibatkan penyempitan di daerah artikulasi. Hal ini sejajar dengan hemat Crystal (2006:425) yang mentakrifkan maksud artikulasi sekunder sebagai penghasilan bunyi yang melibatkan “... *the lesser degree of stricture*”. *Stricture* atau sekatan dalam takrif Crystal (2006) ini merupakan kunci bagi memahami tabii artikulasi sekunder. Sekatan dalam penghasilan bunyi membayangkan bahawa udara yang melalui rongga mulut bagi menghasilkan segmen bunyi tertentu yang berciri [+sekatan] umpamanya tidak lagi mengalami sekatan sepenuhnya dan hal ini membolehkan udara mengalir ke luar.

Menurut Ladefoged dan Maddieson (1996), pengaliran udara ke luar ketika penghasilan bunyi sekatan merujuk gejala hembusan udara lanjutan di artikulator tertentu sewaktu penghasilan bunyi konsonan hentian. Ketika memperincikan takrif ini, Ladefoged dan Maddieson (1996:49) menegaskan dua kemungkinan yang terlibat secara langsung dalam cara penghembusan udara menerusi rongga mulut tersebut. Satu daripada kemungkinannya adalah menerusi pengglotisan yang membolehkan lebih banyak udara dilepaskan dari titik artikulasi konsonan yang terlibat. Menurut Ladefoged dan Maddieson (1996) lagi, aspirasi turut dikenali sebagai gejala jeda penyuaan. Hal ini merujuk kemungkinan kedua, iaitu cara hembusan udara di dalam rongga mulut yang dikaitkan dengan tempoh sela atau senggang antara pelepasan udara bagi konsonan hentian sebelum melanjutkan pembunyian segmen vokal yang mengikutinya.

Di Asia Tenggara, ciri aspirasi yang diperikan maksudnya ini sangat lazim ditemukan dalam kelompok bahasa Tai-Kadai (Diller, 2008). Walau bagaimanapun, ciri aspirasi ini sangat asing di Semenanjung Malaysia

(selepas ini Semenanjung) mahupun di Borneo yang majoriti bahasa dan dialek di kedua-dua kawasan ini tergolong dalam kelompok bahasa Malayo-Polinesia (Adelaar, 1992; Asmah Haji Omar, 1977, 2008; Larish, 1997; McDonnell et al., 2024; Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, 2021). Namun begitu, di Semenanjung, terdapat kekecualian khusus yang melibatkan bahasa Aslian¹. Hal ini dikatakan demikian kerana ciri aspirasi dalam kelompok bahasa tersebut menjadi teras sistem fonologinya (Benjamin, 2016; Hajek, 2010). Maksudnya, dalam kelompok bahasa Aslian, aspirasi dianggap sebagai ciri pembeza yang bertaraf fonemik.

Seperti kelompok bahasa Aslian, aspirasi dalam sistem fonologi kelompok bahasa Tai-Kadai turut memperlihatkan pertentangan pembeza yang jelas. Dengan ciri ini, aspirasi bersifat fonemik dalam kelompok bahasa Tai-Kadai (Diller, 2008). Sehubungan dengan itu, ciri aspirasi dianggap utuh dalam kelompok bahasa tersebut meskipun persoalan tentang pembentukannya yang dikaitkan, antara lain, dengan penyingkatan suku kata dwisuku kepada ekasuku ternyata belum konklusif disebabkan oleh kompleksiti proses diakronik yang melatarinya (Benjamin, 1976; Tadmor, 1995; Thurgood, 1999; Wilding, 1987).

Walaupun aspirasi dikatakan asing dalam kelompok Malayik² di Semenanjung, aspirasi juga sebenarnya dikesan wujud dalam sebilangan kecil dialek Melayu di bahagian utara Semenanjung, khususnya di kawasan kontak yang melibatkan bahasa Siam dengan bahasa Austronesia. Fakta ini sebenarnya telah direkodkan, misalnya oleh Hajek (2010) yang memerikan kemunculan aspirasi dalam bahasa Aslian Utara.

Selain Aslian, dialek Melayu Patani (DMP) juga menunjukkan ciri aspirasi (Ruslan Uthai, 2011; Wilding, 1987) dan ciri ini dianggap sebagai satu daripada variasi bunyi yang distingtif (Wilding, 1987:10). Walau bagaimanapun, fakta ini tidak menghalang pengkaji, seperti Shahidi A. Hamid dan Mumad CheLaeh (2020) untuk mentafsirkan hembusan udara lanjutan sewaktu pembunyian konsonan plosif sebagai konsonan panjang, bukannya konsonan beraspirasi. Akan tetapi, dapatan ini sekadar memfokuskan analisis forman bunyi konsonan bukan hembusan lanjutan selepas penghasilan konsonan yang terlibat yang secara jelas memenuhi takrifan konsonan beraspirasi menurut Ladefoged dan Maddieson (1996).

Perkara yang lebih menarik untuk dikaji selanjutnya ialah fakta linguistik empirik yang menunjukkan bahawa bukan hanya DMP yang memiliki ciri aspirasi bagi kelompok Malayik di kawasan utara Semenanjung, tetapi dialek Melayu lain yang dituturkan di sempadan

Malaysia-Thailand turut mempunyainya. Contohnya, dialek Melayu Satun yang dituturkan di Langkawi. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2019:88, 2020), dialek Melayu Satun yang dituturkan di pulau itu memperlihatkan bentuk leksikal, seperti [p^hat] “lepat” yang memiliki segmen hembusan [h] selepas konsonan hentian [p]. Keberadaan segmen hembusan itu membuktikan kewujudan aspirasi dalam dialek Melayu tersebut. Selain dialek Melayu Satun, dialek Melayu Baling (DMB) juga memiliki bentuk leksikal, seperti [p^hoh] “buah pauh”, [t^h:u] “tahu”, [k^hen] “kain”, [k^həŋe] “kenyang” dan [c^hoŋ] “cium”. Semua contoh ini diawali dengan konsonan [p^h], [t^h], [k^h] dan [c^h] yang menandakan bunyi hembusan seperti yang ditakrifkan oleh Ladefoged dan Maddieson (1996).

Kewujudan aspirasi dalam DMB sememangnya merupakan gejala linguistik yang menarik untuk dikaji dengan lebih lanjut. Hal ini dikatakan demikian kerana DMB satu daripada dialek Melayu yang secara sejatinya tidak memiliki aspirasi kerana ciri tersebut merupakan ciri linguistik asing. Akan tetapi, DMB kemudiannya menerima ciri aspirasi sebagai sebahagian daripada sistem fonologinya. Menurut Shuib Ismail (1970), kemunculan aspirasi dalam sistem fonologi DMB berlaku setelah DMB berkontak dengan bahasa lain, khususnya bahasa Tai-Kadai dan bahasa Aslian. Kupasan ini menunjukkan dua persoalan penting, iaitu:

- i. Bagaimanakah ciri linguistik bahasa Siam dan bahasa Aslian tersebut berupaya mempengaruhi sistem linguistik DMB?
- ii. Adakah sistem linguistik DMB yang secara tabiinya tidak mempunyai konsonan beraspirasi seperti dialek Malayik Semenanjung yang lain mampu memperolehnya secara tiba-tiba tanpa melibatkan sebarang faktor dalaman dan luaran?

Makalah ini ditulis untuk menelusuri persoalan (i) dan (ii) secara lebih terperinci dengan menjadikan DMB sebagai tumpuan kajian. Baling merupakan daerah yang terletak di Kedah. Daerah Baling berkeluasan 1,530 kilometer persegi dan daerah kedua terbesar di Kedah (<https://pbt.kedah.gov.my/index.php/info-baling/>). Baling terletak di kawasan pedalaman atau hulu dan hal ini menyebabkan dialek yang dituturkan oleh masyarakatnya memiliki kelainan khusus, sesuai dengan andaian tipologi sosiolinguistik (Trudgill, 2011), selain menyerap sistem linguistik baharu, iaitu konsonan beraspirasi menerusi kontakannya dengan dialek Melayu Patani, bahasa Siam dan bahasa Aslian Utara. Penyerapan sistem linguistik baharu yang disebabkan oleh proses inovasi inilah yang

menjelaskan keistimewaan Baling yang menuntut cerapan ilmiah yang saksama. Ekoran daripada hal ini, secara prinsipnya, makalah ini bertitik tolak daripada premis yang menegaskan bahawa DMB tidak memperoleh ciri aspirasi secara tiba-tiba, tetapi memperolehnya menerusi mekanisme yang dikenali sebagai kontak dan inovasi dalaman linguistik.

Dengan berpandukan mekanisme tersebut, pengkaji membincangkan gejala konsonan hentian beraspirasi dalam DMB. Perbincangan gejala ini mencakupi aspek sinkronik dan diakronik. Bagi aspek sinkronik, analisis yang ditampilkan memfokuskan penentuan keadaan konsonan beraspirasi, sama ada berstatus fonetik atau sekadar berstatus fonemik. Analisis terhadap aspek ini juga melibatkan penjelasan proses fonologi yang mendasari pembentukan gejala aspirasi dalam DMB. Bagi aspek diakronik, analisis ini diterapkan secara khusus bagi menjejaki asal usul ciri aspirasi yang muncul bersama-sama dengan konsonan hentian tidak bersuara dalam DMB.

KAJIAN LEPAS

Dari segi sistem fonetik dan fonologi, bahasa dan dialek Melayu, terutamanya yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan Sumatera Indoensia, secara aslinya tidak memperlihatkan kewujudan konsonan beraspirasi. Bahasa dan dialek yang membentuk kelompok Malayik juga secara umumnya tidak memperlihatkan kewujudan ciri aspirasi pada konsonan hentian (Adelaar, 1992). Jika ciri aspirasi pada konsonan hentian dalam kelompok Malayik dikesan, hal itu merupakan inovasi terkemudian yang disebabkan oleh faktor kontak. Namun begitu, bagi kelompok bahasa yang lebih tinggi tahapnya daripada kelompok Malayik yang bernaung di bawah cabang Austronesia Barat, keberadaan konsonan beraspirasi ialah ciri yang dikesan, terutamanya dalam bahasa di Borneo.

Berkaitan dengan perkara ini, Blust (1969) umpamanya, membincangkan kewujudan konsonan beraspirasi bersuara tersebut dalam bahasa Kelabit. Menurut tafsiran Blust yang lebih terkini (Blust, 2006), realisasi konsonan beraspirasi dalam bahasa ini ialah /b^h/, /d^h/ dan /g^h/ yang menyimpang daripada pola umum ciri aspirasi pada konsonan hentian kerana tidak terhasil daripada kluster konsonan hentian tidak bersuara + sibilan, sebaliknya terbina daripada kluster konsonan hentian asal yang berfitur obstruen bersuara + sibilan menerusi proses sinkope. Dengan berdasarkan bukti dan analisis tersebut, Blust (2010) kemudiannya merekonstruksi hentian bersuara beraspirasi pada tahap bahasa utara Sarawak purba bagi menangani realisasi dalam bahasa Kelabit Bario.

Satu lagi bahasa Austronesia yang memiliki konsonan beraspirasi ialah bahasa Moklen. Menurut Pittayaporn (2005:190), realisasi konsonan beraspirasi dalam bahasa Moklen ialah /p^h/, /t^h/, /c^h/ dan /k^h/. Dari segi sejarah, terdapat dua sumber yang mewujudkan konsonan ini dalam bahasa Moklen, iaitu bahasa Siam dan perubahan sporadik, serta pengaruh bahasa Melayu yang menghasilkan konsonan [c^h] (< bahasa Melayu /s/) dalam sistem bahasa Moklen purba (Pittayaporn, 2024:76). Kesimpulan Pittayaporn ini menunjukkan bahawa bahasa Moklen secara aslinya tidak memiliki ciri konsonan beraspirasi, justeru memenuhi struktur fonetik dan fonologi yang diwarisi daripada bahasa Austronesia purba.

Walaupun dinyatakan sebelum ini bahawa dialek Melayu yang tersebar di Semenanjung Malaysia secara aslinya tidak memiliki konsonan beraspirasi, terdapat kekecualian bagi dialek Melayu yang terletak di sempadan utara Malaysia–Thailand. Dialek yang dimaksudkan ialah DMB. Berkaitan dengan perkara ini, terdapat beberapa kajian yang pernah memerikan kewujudan ciri aspirasi dalam DMB, misalnya Shuib Ismail (1970), Abdul Karim Ismail (1971), Umaiya Umar (1999, 2008), Asmah Haji Omar (2008), Nur Faslin Sulaiman (2015), serta Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2023a, 2023b). Akan tetapi, jika diperhatikan dengan lebih terperinci, kajian terdahulu tentang gejala linguistik beraspirasi di Baling masih belum konklusif, terutamanya dari segi analisis kerana tidak menggabungkan aspek sinkronik dan diakronik sekali gus.

Satu daripada sebab yang menjadikannya demikian ialah majoriti pengkaji yang berpegang pada dakwaan bahawa DMB ialah subdialek dialek Kedah piawai (Asmah Haji Omar, 2008; Nur Faslin Sulaiman, 2015). Oleh itu, pengkaji yang meneliti DMB menjadikan dakwaan ini sebagai dasar pemerian linguistik dan pengelompokan. Walaupun gaya pertuturan masyarakat di Baling berlainan daripada penutur dialek Melayu Kedah di Sungai Petani misalnya, disebabkan oleh dakwaan DMB merupakan subdialek dialek Melayu Kedah piawai, kelainan yang dicerap di Baling dianggap sekadar inovasi daripada dialek Melayu Kedah, bukannya inovasi atau retensi yang berlaku pada tahap yang lebih tinggi. Asas bagi dakwaan DMB sebagai subdialek ialah beberapa persamaan ciri linguistik antara DMB dengan dialek Melayu Kedah yang piawai (Asmah Haji Omar, 2008; Nur Faslin Sulaiman, 2015).

Selain persamaan linguistik, dakwaan DMB sebagai subdialek dialek Melayu Kedah diperkukuh dengan wawasan sempadan dialek bertindan dengan sempadan negeri (Asmah Haji Omar, 2008). Oleh itu, setiap dialek yang dituturkan di negeri tertentu dianggap tercakup dalam nomenklatur

“dialek X”, dengan X merujuk nama negeri, walaupun terdapat inovasi dan retensi linguistik yang signifikan untuk menggolongkannya sebagai dialek tersendiri.

Walaupun bagaimanapun, realiti dialek di Baling dan di kawasan sekitarnya, seperti Sik dan Pengkalan Hulu (Perak) tidaklah seperti yang ditanggapi oleh pengkaji terdahulu. Kajian terkini yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021), serta Nor Habibah Che Rosdi et al. (2022) menunjukkan kewujudan beberapa ciri linguistik khas yang membezakana antara DMB dengan Melayu Kedah piawai. Selain ciri aspirasi yang menjadi fokus makalah ini, beberapa ciri yang berikut turut memberikan identiti yang mandiri terhadap DMB (Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar, 2021), iaitu:

- i. Retensi konsonan geseran velar bahasa Malayik purba (MP) *ɣ pada posisi awal dan antara vokal.
- ii. Pengguguran MP *ɣ pada posisi akhir yang mengubah nilai vokal yang mengikutinya.
- iii. Penyatuan konsonan nasal MP dalam urutan *-am kepada [-aŋ].
- iv. Perubahan vokal MP *a dalam urutan *-an kepada [ɛ].
- v. Penyatuan diftong MP *-aw dan *-ay kepada [ɔ].

Walaupun DMB memiliki beberapa ciri fonologi khas seperti dalam (i) hingga (iv), ciri aspirasi merupakan penanda penting bagi identitinya (Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Mohd Tarmizi Hasrah, 2023b). Oleh itu, ciri ini menjadi ciri yang paling kerap mendapat tanggapan ilmiah. Dalam hal ini, tinjauan kosa ilmu jelas menunjukkan fakta bahawa kewujudan konsonan beraspirasi dalam DMB sememangnya sudah disedari oleh banyak pengkaji, umpamanya Shuib Ismail (1970), Abdul Karim Ismail (1971), Umayyah Umar (1999, 2008), Asmah Haji Omar (2008), Nur Faslin Sulaiman (2015), Anderbeck (2016), dan Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021). Semua pengkaji ini sepakat menyatakan bahawa ciri aspirasi dalam DMB bersumberkan bahasa Siam. Dengan pengertian lain, kesimpulan ini menegaskan bahawa kontak linguistik DMB dengan bahasa Siam merupakan faktor utama yang membolehkan DMB mendapat ciri aspirasi.

Analisis dan dapatan yang ditampilkan dalam makalah ini juga sejajar dengan kesimpulan yang dinukilkan oleh kajian yang disoroti. Oleh itu, kontak linguistik turut dijadikan aspek yang dibincangkan secara rinci

dalam makalah ini. Berkaitan dengan perkara ini juga, kontak ternyata membekalkan penjelasan yang ampuh tentang penyerapan leksikal yang mengandungi ciri aspirasi dalam DMB. Akan tetapi, penjelasan berdasarkan faktor kontak semata-mata masih belum memadai. Hal ini dikatakan demikian kerana faktor tersebut masih tidak berupaya menjelaskan sebab penyebaran ciri aspirasi ke dalam leksikal asli DMB secara konsisten di sekitaran awal dan di antara vokal. Oleh sebab ketidakupayaan kontak sebagai alat analisis yang ampuh bagi memerihalkan gejala aspirasi dalam DMB, pengkaji mengusahakan analisis yang berteraskan analogi dan mekanisme inovasi dalaman linguistik sebagai penjelasan alternatif yang lebih berpada.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini berpandukan pendekatan deskriptif–kualitatif. Pengoperasiannya lebih menjurus kepada perkara yang berkaitan dengan teknik pengumpulan data dan penerapan pendekatan analisis.

Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan menerusi kajian lapangan di tiga buah kampung di Baling, iaitu Rabong, Padang Cicar dan Teluk Sanau. Justifikasi pemilihan setiap kampung ini adalah seperti yang berikut:

- i. Semua kampung tersebut terletak berhampiran dengan sempadan Thailand.
- ii. Tinjauan awal di lapangan menunjukkan kewujudan ciri aspirasi yang lebih jelas kedengaran di ketiga-tiga buah kampung ini berbanding dengan kampung lain (walau bagaimanapun, jika pendekatan spektografik diterapkan, dapatan tinjauan awal ini mungkin tertolak).

Informan

Pemilihan informan dilakukan berteraskan kaedah lazim dalam dialektologi, iaitu NORM/F (*non-mobile, old, rural, male/female*) (Chambers & Trudgill, 1998), tetapi disulam dengan kriteria yang lebih umum, iaitu penduduk tempatan, informan memiliki alat artikulasi yang sempurna dan kesudian untuk bekerjasama. Dari segi jumlah, pengkaji menemu bual seorang informan utama bagi setiap kampung. Oleh itu, jumlah keseluruhan informan utama yang ditemu bual ialah tiga orang (dua orang lelaki, seorang wanita). Jumlah informan ini turut disesuaikan

mengikut keadaan. Hal ini dikatakan demikian kerana ada informan yang memberikan maklumat yang tidak mencukupi. Oleh itu, sumbangannya tidak mewakili penyebutan setempat, seperti informan Kampung Rabong. Apabila keadaan ini terjadi, informan lain pula ditemu bual bagi mengisi lompong maklumat tersebut dan hal ini menjadikan jumlah informan untuk Kampung Rabong bertambah menjadi dua orang.

Daftar Kata

Kajian ini menggunakan daftar kata yang dibangunkan oleh Swadesh (1951), iaitu sebanyak 200 item sebagai pedoman. Daftar kata tersebut diubah suai dan ditambah 443 item baharu, lantas menjadikannya sebanyak 643 item. Pertanyaan kata demi kata diterapkan menerusi teknik temu bual langsung dan tidak langsung (Chambers & Trudgill, 1998). Data leksikal diperteguh dengan rakaman perbualan yang bertujuan untuk mengesahkan realisasi fonetiknya. Daftar kata dan rakaman perbualan ditranskripsi menggunakan lambang fonetik antarabangsa (IPA) dengan sedikit penyesuaian terhadap beberapa fonem, iaitu:

- i. $tʃ = c$
- ii. $dʒ = j$
- iii. diftong, pelabialan dan pemvelaran = y dan w

Pendekatan Analisis

Terdapat dua peringkat analisis yang menerapkan dua pendekatan berlainan, tetapi bersangkutan, iaitu:

- i. Peringkat pertama

Analisis peringkat pertama ialah pemerian konsonan beraspirasi DMB. Analisis dilakukan berpandukan pendekatan fonologi struktural yang dikemukakan oleh Dixon (2010) menerusi Teori Linguistik Asas. Analisis peringkat ini bermula daripada penggalan segmen bunyi bagi mengasingkan leksikal yang mengandungi konsonan hentian tidak bersuara yang memperlihatkan ciri aspirasi.

Seterusnya, analisis fonemik dilakukan terhadap segmen bunyi ini bagi menentukan statusnya, sama ada bertaraf fonetik atau fonemik. Analisis penentuan status konsonan beraspirasi ini dilakukan menerusi kaedah pasangan minimal. Dalam analisis ini, jika kontras makna

antara dua leksikal yang serupa dikesan, kecuali pada satu segmen bunyi, dengan satu leksikal memiliki konsonan beraspirasi dan satu lagi leksikal memiliki konsonan hentian biasa, konsonan beraspirasi berkenaan dianggap sebagai fonem. Jika perkara sebaliknya dikesan, konsonan beraspirasi berkenaan sekadar alofon atau variasi bagi konsonan hentian biasa.

ii. Peringkat kedua

Peringkat kedua dilanjutkan dengan analisis diakronik bagi menjejaki asal usul konsonan beraspirasi dan trajektori perubahan yang membolehkan ciri ini diserap masuk dalam sistem linguistik DMB. Untuk analisis asal usul aspirasi dalam DMB, kajian ini menerapkan perspektif kontak dialek yang menyatakan bahawa dialek cenderung untuk saling mempengaruhi dalam situasi kontak. Dalam konteks Baling, saling pengaruh antara dialek yang berkontak dianggap sebagai faktor penyebab kewujudan konsonan beraspirasi. Bagi analisis trajektori perubahan yang merujuk penyebaran meluas aspirasi dalam DMB, kajian ini berpandukan pendekatan linguistik sejarawi menerusi penerapan konsep inovasi linguistik dalaman yang melibatkan proses perubahan struktural dan analogi (Crowley & Bowern, 2010).

Secara ringkasnya, inovasi linguistik dalaman merujuk proses linguistik yang berlaku pada tahap struktur, sama ada fonem, morfem atau sintaksis. Kajian ini memfokuskan analisis proses linguistik dalaman pada tahap fonem tanpa membincangkan tahap morfem atau sintaksis. Pewajaran penetapan fokus ini ialah gejala konsonan beraspirasi dalam DMB berlaku pada tahap fonem. Walaupun ada gejala mengenai morfem, iaitu penyingkatan suku kata, prosesnya masih ditentukan oleh fonem yang terlibat.

Analogi berlaku setelah inovasi linguistik dalaman memasuki sistem linguistik DMB menerusi peminjaman. Sewaktu peminjaman, ciri linguistik asing diserap dalam DMB. Walau bagaimanapun, penyerapan ini sekadar melibatkan leksikal pinjaman. Analogi berfungsi setelah segmen bunyi dalam sistem linguistik bahasa yang dipinjam disebarkan kepada segmen bunyi yang serupa dalam dialek peminjam dalam semua sekitaran fonetik. Implikasinya ialah kewujudan segmen bunyi asing yang pada awalnya hanya dikesan dalam leksikal pinjaman telah terserap dalam segmen bunyi yang berkaitan dalam semua keadaan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan dapatan dan perbincangan hasil analisis yang dilakukan terhadap data DMB.

Konsonan DMB

Menurut Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021), DMB memiliki 19 konsonan, termasuklah separuh vokal. Konsonan yang dimaksudkan terdiri daripada [p, b, t, d, k, g, ʔ, m, n, ŋ, ɲ, s, ʃ, h, c, j, l, w, y]. Walau bagaimanapun, gejala aspirasi tidak melibatkan semua konsonan, tetapi hanya konsonan hentian plosif atau letupan.

Konsonan Beraspirasi

Seperti yang telah dinyatakan, satu daripada ciri linguistik DMB yang penting ialah konsonan hentian tidak bersuara yang memperlihatkan ciri aspirasi. Oleh itu, bahagian ini memerikan konsonan DMB yang menerima ciri aspirasi yang dimaksudkan. Fokus pemerian tertumpu pada jenis konsonan hentian tidak bersuara yang terlibat dalam perealisasi ciri aspirasi. Selain itu, fokus pemerian turut diberikan terhadap aspek penyebarannya.

Dengan berdasarkan data yang dikumpulkan di lapangan, gejala konsonan beraspirasi DMB sememangnya memenuhi makna umum seperti yang dinukilkan dalam bahagian pengenalan makalah ini, iaitu yang merujuk kehadiran bunyi hembusan selepas penghasilan konsonan hentian tidak bersuara. Dalam konteks DMB, aspirasi melibatkan konsonan hentian tidak bersuara, seperti bilabial, alveolar, velar dan palatal, iaitu [p], [t], [k] dan [c]. Semua konsonan ini menerima aspirasi pada posisi awal dan di antara vokal. Tanda penerimaan aspirasi ialah penjelmaan segmen hembusan selepasnya yang direalisasikan sebagai [p^h], [t^h], [k^h] dan [c^h].

Faktanya ialah aspirasi dalam DMB berbeza daripada gejala serupa yang muncul dalam bahasa Tai-Kadai. Hal ini dikatakan demikian kerana kelompok bahasa tersebut menunjukkan kontras fonemik bagi konsonan hentian tidak bersuara yang beraspirasi dengan konsonan hentian tidak bersuara yang tiada aspirasi (Diller, 2008:33–34). Oleh sebab DMB tidak memperlihatkan kontras pasangan minimal antara [p] ~ [p^h], [t] ~ [t^h], [k] ~ [k^h] dan [c] ~ [c^h], statusnya bukan fonem, tetapi kelainan bebas atau alofon atau variasi. Walaupun berstatus bukan fonemik, aspirasi dalam DMB signifikan untuk diangkat sebagai ciri istimewanya disebabkan oleh fungsinya sebagai faktor pemisah dalam pengelompokan

DMB dan menjadi penanda identiti penuturnya (Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Mohd Tarmizi Hasrah, 2023b).

Bilabial

Konsonan bilabial merujuk segmen bunyi yang dihasilkan pada titik artikulasi di antara dua bibir. Terdapat dua konsonan bilabial dalam MP, iaitu *p dan *b yang diretensikan dalam bahasa Melayu (BM) dan dialek turunannya (Adelaar, 1992). Sama seperti BM, serta isolek dan dialek Malayik lain yang bermukim di Nusantara, DMB tidak terkecuali daripada meretensikan kedua-dua konsonan MP ini (Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar, 2021; Nurul Faslin Sulaiman, 2015). Akan tetapi, data terkumpul menunjukkan bahawa hanya konsonan *p yang memperlihatkan inovasi bercirikan aspirasi pada posisi awal dan di antara vokal. Oleh itu, konsonan ini direalisasikan sebagai [p^h]. Contoh inovasi ciri aspirasi ini dapat diperhatikan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Konsonan [p^h].

Glos	DMB	Catatan
pahit	p ^h e?	dwisuku > ekasuku
lampu	la:p ^h u	penyingkatan nasal homorgan
pecah	p ^h əc ^h əh	
pauh	p ^h oh	dwisuku > ekasuku
pohon	p ^h :oŋ	dwisuku > ekasuku
empat	p ^h a?	dwisuku > ekasuku
parut	p ^h aɣo?	
daun ketumbar	p ^h a?c ^h i	Thai: p ^h a?c ^h i
pergi	p ^h i	Kedah: pi
parit	p ^h aɣe?	
pelik	p ^h əle?	
bertempuh/ berlanggar	t ^h ə:p ^h oh	penyingkatan nasal homorgan
kapit	k ^h ap ^h e?	
rehat	p ^h a?	Thai: p ^h a?
pejam	p ^h əjaŋ	
pintu	p ^h i:tu ^w	penyingkatan nasal homorgan

Alveolar

Konsonan alveolar merujuk segmen bunyi yang dihasilkan pada titik artikulasi di antara gigi-gusi (labiodental). Konsonan ini bukan sahaja turut direkonstruksi pada tahap MP oleh Adelaar (1992), bahkan pada tahap bahasa purba yang lebih tinggi. Data terkumpul menunjukkan bahawa DMB mengekalkan konsonan MP ini sebagai [t], sejajar dengan Malayik Semenanjung lain yang turut memilikinya. Akan tetapi, retensi dalam DMB muncul dengan keberadaan aspirasi di dua kedudukan, iaitu pada awal kata dan di antara vokal. Kemunculan ini membezakannya daripada dialek Melayu lain di Semenanjung. Keberadaan aspirasi pada awal kata dan di antara vokal menyebabkan [t] dimanifestasikan dalam bentuk [tʰ] seperti yang dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 Konsonan [tʰ].

Glos	DMB	Catatan
itu	tʰu	dwisuku > ekasuku
tahu	tʰːu	dwisuku > ekasuku
gaya	tʰa	Thai tʰaː
tahan	tʰaŋ	dwisuku > ekasuku
tahun	tʰoŋ	dwisuku > ekasuku
tendang	tʰənaŋ	penyingkatan nasal homorgan
empangan	tʰaŋoŋ	Thai: thamnop
tua	tʰuʷɔ	
gigi taring	tʰaɪŋ	
tiang	tʰiʔe	
baling	tʰoʔ	dwisuku > ekasuku
ketat	kʰətʰaʔ	

Velar


Konsonan velar merujuk segmen bunyi yang dihasilkan pada bahagian artikulator yang ke belakang sedikit berbanding dengan palatal atau lelangit keras, iaitu pada lelangit lembut. Dalam DMB, konsonan ini diwakili oleh segmen [kʰ] (yang diturunkan daripada MP *k) dengan penokokan ciri aspirasi selepasnya. Dari segi penyebaran, [kʰ] muncul pada posisi awal kata dan tengah kata seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Konsonan [k^h].

Glos	DMB	Catatan
guru	k ^h ru	Thai: k ^h əru:
tekan	t ^h ək ^h əŋ	
kain	k ^h əŋ	dwisuku > ekasuku
kenyang	k ^h əŋe	
ketat	k ^h ət ^h aʔ	
kurung	k ^h :uŋ	dwisuku > ekasuku
kotor	k ^h omoʔ	< BM comot; perubahan c > k ^h tidak dapat dijelaskan, dan dianggap sebagai kekecualian.
kikir	k ^h ike	
tunggu	k ^h ɔ	Thai: k ^h ɔ:y
tonyoh	k ^h aʔ	Thai: k ^h at
kait	k ^h eʔ	dwisuku > ekasuku
kail	k ^h aʔe	
paku	p ^h ak ^h u	
bangkai	bak ^h e	penyingkatan nasal homorgan
kerusi	bak ^h u	BM: <i>bayku</i> penyingkatan nasal homorgan

Palatal

Dalam DMB, hanya satu konsonan palatal atau langit keras yang memperlihatkan fenomena aspirasi, iaitu [c^h]. Konsonan ini mempunyai dua sumber jika ditimbang secara diakronik. Sumber pertama ialah [c^h] yang merupakan retensi MP *c (Adelaar, 1992). Sumber kedua ialah [c^h] yang berinovasi daripada MP *s (Adelaar, 1992). Ertinya, MP *s dan MP *c menunjukkan penyatuan kepada [c^h] dalam DMB sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Penyatuan MP *s dan *c dalam DMB.

Perubahan MP *s kepada konsonan hentian palatal tidak bersuara yang ditokok dengan ciri aspirasi ialah inovasi khas DMB. Hal ini dikatakan demikian kerana inovasi seperti ini, sama ada yang memperlihatkan ciri aspirasi atau sebaliknya, tidak muncul dalam dialek Malayik di Semenanjung yang lain (Adelaar, 1992; Asmah Haji Omar, 2008; Collins, 1996; Mohd Tarmizi, 2022). Yang lazim dalam dialek Malayik Semenanjung yang melibatkan konsonan palatal tidak bersuara ialah retensi konsonan yang serupa dengan MP.

Dari segi penyebaran, konsonan palatal [c^h] yang beraspirasi ini muncul pada kedudukan awal kata dan di antara vokal. Penyebaran yang dimaksudkan dapat diperhatikan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Konsonan [c^h].

Glos	DMB	Catatan
cium	c ^h oŋ	dwisuku > ekasuku
sosej ayam	luʔc ^h iŋ	Thai: lūʔchîn
daun ketumbar	p ^h aʔc ^h i	Thai: paʔc ^h i
teh	c ^h a	Thai: cha:
cicit	c ^h eʔ	dwisuku > ekasuku
suluh	c ^h uloh	*s > c
sirih	c ^h iʔeh	*s > c
datuk	c ^h ε	Thai: c ^h a:y
campak	c ^h a:poʔ	penyingkatan nasal homorgan
cekak	c ^h əkɔʔ	
segar	c ^h aʔoŋ	Thai: c ^h aʔum
celik	c ^h əleʔ	
sinar	c ^h inaʏ	*s > c

Jika diteliti, data yang dipaparkan dalam Jadual 4 sangat signifikan untuk dibincangkan dengan lebih terperinci. Hal ini disebabkan oleh perbezaannya dengan realisasi konsonan yang serupa dalam dialek Malayik Semenanjung yang lain. Berkaitan dengan perkara ini, jika MP *s berinovasi kepada [c^h] dalam DMB, realisasinya ialah [s] bagi dialek Malayik Semenanjung yang lain. Seperti yang dapat diperhatikan menerusi data dalam Jadual 4, MP *s berinovasi kepada [c^h] secara nalar, khususnya pada kedua-dua posisi awal kata dan di antara vokal, tetapi memperlihatkan realisasi [h] pada posisi akhir kata. Realisasi pada kedudukan akhir kata

ini sejajar dengan gejala umum dalam dialek Malayik Semenanjung, tetapi tidak begitu penting bagi pengelompokan berbanding dengan inovasi *s kepada [c^h].

Gejala yang melibatkan inovasi konsonan MP *s ini menimbulkan persoalan tentang sumber yang membolehkan DMB mendapat bentuk [c^h] sebagai realisasinya. Hasil perbandingan linguistik yang dilakukan antara dialek dengan bahasa yang berada selingkungan dengan DMB menunjukkan konsonan [c^h] dalam DMB ini menyerupai bahasa Aslian, khususnya Kensiu (Kensiw). Bentuk [c^h] seperti yang dikemukakan oleh Phaiboon (2006) ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Konsonan afrikat dalam bahasa Kensiu.

Glos	Kensiu	Catatan
suluh	c ^h uloh	< BM suluh
sinar	c ^h inay	< BM sinar
sirih	c ^h i?eh	< BM sirih
berbisik	c ^h i?e?	
basuh	c ^h ot	
mengering	c ^h alej	
perlahan	c ^h owah	

Senarai leksikal yang dikumpulkan oleh Phaiboon dalam Jadual 5 memberikan gambaran bahawa bahasa Kensiu di utara Semenanjung sememangnya memiliki konsonan hentian palatal beraspirasi dalam sistem fonologinya. Dari segi sejarah, konsonan tersebut melibatkan retensi dan inovasi sekali gus. Retensi sumbernya ialah bahasa Proto Kensiu. Bagi inovasi pula, kemunculan [c^h] dalam bahasa Kensiu berupa inovasi daripada konsonan BM [s]. Inovasi yang dimaksudkan terjadi kerana bahasa Kensiu meminjam item leksikal bahasa Melayu. Dalam masa yang sama, leksikal tersebut disesuaikan bagi menuruti sistem fonologi bahasa Kensiu, terutamanya perubahan BM [s] kepada [c^h].

Kenyataan ini membolehkan pertimbangan sejarawi ditentukan bagi DMB, iaitu kewujudan realisasi [c^h] dalam DMB adalah bersumberkan bahasa Kensiu [c^h]. Hal ini membuktikan bahawa kontak linguistik di bahagian utara Semenanjung, khususnya di sempadan Malaysia-Thailand bukan sahaja melibatkan bahasa Austronesia dan Tai-Kadai, malah bahasa Aslian.

Rumusan

Paparan data dan kupasan tentangnya menunjukkan kenyataan bahawa konsonan beraspirasi DMB sejajar dengan rumus umum pembentukan aspirasi yang mengikuti konsonan hentian tidak bersuara, iaitu yang melibatkan kluster K+h (K = konsonan hentian tidak bersuara dan h = hembusan yang diwakili oleh segmen h). Walaupun berbeza dari segi kompleksiti proses linguistik yang terlibat dalam penghasilannya, asas pembentukan konsonan beraspirasi ini secara relatifnya masih serupa, iaitu melibatkan penambahan ciri hembusan yang dilambangkan dengan [h] pada sesebuah konsonan hentian tidak bersuara disebabkan oleh asimilasi antara fonem yang hadir sebelum dan selepas segmen aspirasi yang ditokok itu.

Struktur konsonan beraspirasi dalam DMB yang melibatkan kluster K+h ini sejajar dengan gejala yang sama dalam bahasa dan dialek Melayu lain di utara Semenanjung dan di selatan Thailand (Hajek, 2010). Menurut analisis Hajek (2010), bahasa tersebut sememangnya menunjukkan kewujudan kluster K+h sebagai struktur konsonan hentian tidak bersuara beraspirasi. Namun begitu, berbeza daripada DMB yang tidak memperlihatkan pertentangan pembeza antara konsonan yang terlibat, konsonan hentian tidak bersuara beraspirasi dalam bahasa Aslian sebaliknya berstatus fonem, yakni memiliki pasangan minimal yang jelas.

Kontak dan Inovasi Dalam Linguistik

Kewujudan kluster K+h dalam DMB menghasilkan ciri aspirasi pada konsonan hentian tidak bersuara. Oleh itu, segmen bunyi yang terlibat bagi menerima ciri aspirasi ialah konsonan hentian tidak bersuara seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 hingga Jadual 4, juga seperti yang dikupas dalam kajian terdahulu tentang DMB (yang ada disorot ringkas sebelum ini). Yang menjadi pertanyaan penting selanjutnya ialah bagaimanakah DMB memperoleh ciri aspirasi dalam sistem fonologinya?

Pertanyaan ini perlu ditangani dengan saksamanya. Sebab utamanya ialah tipologi fonologi dialek Malayik di Semenanjung secara sejatinya tidak memiliki ciri aspirasi (Adelaar, 1992; Asmah Haji Omar, 2008). Maka, jika terdapat dialek yang menjelmakan ciri aspirasi dalam sistem fonologinya, hal ini bermaksud, dialek berkenaan memperoleh ciri tersebut kemudian dalam proses sejarahnya yang panjang sejak migrasi penuturnya ke luar dari Borneo Barat (Collins, 2017). Bagi merungkai pertanyaan yang dinukilkan, pengkaji mempertimbangkan mekanisme

kontak dan inovasi linguistik dalaman sebagai dasar penjelasan. Secara rincinya, mekanisme ini melibatkan proses yang berikut:

- i. Kontak
 - a. penyerapan leksikal
- ii. Inovasi dalaman linguistik
 - a. penyingkatan suku kata
 - b. analogi

Kontak

Konsep kontak atau pertembungan dialek merujuk natijah linguistik berikutan daripada percakapan (interaksi) antara penutur dialek yang berbeza tetapi berada dalam keadaan saling faham yang tinggi (Trudgill, 1986). Secara lazimnya, natijah linguistik ini merujuk peminjaman unsur linguistik yang dimiliki oleh dialek yang terlibat. Kontak dialek perlu difahami sebagai sinergi antara unsur dalaman dengan unsur luaran linguistik. Sebagai unsur dalaman, kontak dialek menatijahkan perubahan dalam sistem linguistik dialek yang terlibat, manakala unsur luaran pula merujuk pengaruh ekologi yang menjadi penentu bagi pemilihan sistem linguistik tertentu sebagai sumber difusi (Mufwene, 2001).

Dalam kes konsonan beraspirasi di Baling, kontak dialek yang dikupas ini merupakan faktor penyebabnya yang utama. Keadaan linguistik di Baling boleh dianggap sebagai kompleks hasil daripada proses sejarah yang panjang dan kompleks. Kompleksiti tersebut berlaku disebabkan oleh kawasan Baling yang sudah lama bersentuhan yang turut berasimilasi dengan budaya dan bahasa Siam (Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Mohd Tarmizi Hasrah, 2023a). Persentuhan ini menatijahkan kewujudan ciri linguistik bahasa Siam dalam DMB yang dirujuk sebagai konsonan beraspirasi. Fakta sejarah yang dinukilkan bukanlah sesuatu yang menghairankan disebabkan oleh kedudukan Baling yang bersempadan dengan Thailand. Faktanya ialah bukan sahaja dengan Baling, malah hubungan sejarah antara Thailand dengan Kedah secara keseluruhannya juga telah lama berlangsung.

Jika lembaran sejarah dibuka semula, pengaruh Thailand terhadap kebanyakan wilayah utara Kedah didapati bermula pada akhir abad ke-16 hingga awal abad ke-17. Pengenaan kawalan langsung oleh Thailand melalui peperangan menyebabkan penyebaran dan kemasukan besar-besaran orang dari selatan Thailand ke wilayah Kedah. Selain peperangan, hubungan politik juga merupakan satu daripada faktor yang mendorong

penghijrahan masyarakat selatan Thailand ke Kedah, lantas menyebabkan berlakunya kontak bahasa.

Fakta tentang penghijrahan ini penting bagi menjelaskan kewujudan konsonan beraspirasi dalam DMB. Oleh sebab wujudnya penghijrahan, berlakulah kontak linguistik antara DMB dengan bahasa penghijrah, iaitu bahasa Siam dan bahasa lain yang dipengaruhi oleh bahasa Siam. Seperti yang ditegaskan oleh Trudgill (1986), kontak menatijahkan peminjaman. Maka, dengan berdasarkan data dalam Jadual 1 hingga Jadual 4, trajektori peminjaman berlaku daripada bahasa Siam kepada DMB. Hal ini disebabkan oleh ciri linguistik yang tiada dalam DMB, tetapi diserap masuk setelah DMB berkontak dengan bahasa yang memiliki ciri berkenaan dalam sistem fonologinya. Antara punca pembentukan jalur trajektori seperti ini termasuklah prestij bahasa Siam berbanding dengan dialek Melayu tempatan di Baling.

Jika Jadual 1 hingga Jadual 4 diperhatikan dengan telitinya, penyerapan ciri aspirasi dalam sistem fonologi DMB berlaku pada dua tahap. Tahap pertama ialah peminjaman daripada bahasa Siam menerusi DMP. Dalam hal ini, DMP menjadi dialek perantara. Hal ini dikatakan demikian kerana kontak dialek yang mengandungi natijah linguistik diikat dengan saling faham (Trudgill, 1986). Oleh sebab DMB tidak menunjukkan saling faham dengan bahasa Siam, adalah munasabah untuk konsonan beraspirasi masuk ke dalam sistem linguistik DMB menerusi DMP kerana keduanya sekerabat dari segi linguistik (Ruslan, 2011).

Jika tahap ini diperincikan lagi, pada peringkat awal, kemasukan konsonan beraspirasi ke dalam sistem linguistik DMB berlaku menerusi peminjaman leksikal. Hal ini terjadi apabila DMP terlebih dahulu menyerap leksikal bahasa Siam. DMP merupakan dialek Melayu yang paling tinggi intensiti kontak dengan bahasa Siam disebabkan oleh faktor geografi, politik dan sejarah. Oleh itu, adalah signifikan bagi kawasan yang paling dekat dengan Thailand dan yang paling lama bersentuhan atau berasimilasi dengan bahasa Siam menampakkan ciri aspirasi dalam sistem linguistiknya. Wilding (1987) dengan jelasnya menyatakan bahawa “ciri aspirasi merupakan satu daripada varian” dalam DMP walaupun tanpa kontras fonemik. Hal yang serupa turut ditegaskan oleh Phaiboon (2006) dan Ruslan Uthai (2011).


Tahap kedua pula ialah penyerapan leksikal daripada DMP kepada DMB. Kontak dialek juga merupakan faktor utama yang menyebabkan penyerapan ini. Menurut Zaharah Mahmud (1979), penghijrahan penutur jati DMP ke Baling berlaku pada sekitar abad ke-17 hingga abad ke-19.

Hal ini mengakibatkan berlakunya kontak antara penutur dialek Melayu di Baling dengan penutur DMP. Kontak ini menjadi saluran kemasukan leksikal bahasa Siam yang mempunyai ciri aspirasi dalam DMB. Contoh leksikal bahasa Siam yang masuk dalam DMP dan kemudiannya ke dalam DMB ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 Leksikal pinjaman bahasa Siam dalam DMB.

Glos	Leksikal Pinjaman Thai
daun ketumbar	[p ^{ha} ʔc ^{hi}]
rehat	[p ^{ha} ʔ]
guru	[k ^h ru:]
tunggu	[k ^h ɔ:y]
basuh	[k ^{ha} ʔ]
teh	[c ^h a]
empangan	[t ^h anɔm]
tunjuk	[t ^h a]
segar	[c ^h aʔon]
datuk	[c ^h ɛ]

Oleh itu, dari segi rajah, arah difusi konsonan beraspirasi DMB yang terbentuk adalah seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2 Evolusi konsonan beraspirasi.

Inovasi Dalaman Linguistik

Mekanisme kontak yang direpresentasikan menerusi Rajah 2 sekadar menjelaskan peminjaman leksikal bahasa Siam yang memiliki konsonan beraspirasi dalam DMB. Rajah tersebut tidak berupaya menawarkan penjelasan yang berpada tentang penyebaran meluas konsonan beraspirasi dalam DMB. Oleh sebab keberadaan konsonan beraspirasi dalam DMB bukan sekadar melibatkan leksikal pinjaman bahasa Siam, tetapi

merangkumi konsonan hentian tidak bersuara dalam semua lingkungan leksikal asli (lihat Jadual 1 hingga Jadual 4), mekanisme kedua diperlukan sebagai teras penjelasannya.

Mekanisme yang dimaksudkan dikenali sebagai inovasi dalaman linguistik. Mekanisme ini secara umumnya merujuk proses linguistik yang berdaya untuk mengubah sistem linguistik DMB yang sejatinya tidak memiliki ciri aspirasi, tetapi menjadikan ciri ini sebagai sebahagian daripada sistem fonologinya. Analisis terhadap data DMB yang terkumpul menunjukkan kewujudan dua proses linguistik yang tercakup dalam definisi inovasi dalaman linguistik bagi memastikan ciri aspirasi tertampil pada konsonan hentian tidak bersuara DMB. Dua proses yang dimaksudkan ialah penyingkatan suku kata dan analogi.

Penyingkatan Suku Kata

Penyingkatan suku kata satu daripada proses morfofonologi. Proses ini merujuk pemendekan suku kata bagi sesebuah leksikal. Sebagai contoh, leksikal yang mempunyai tiga suku kata disingkatkan menjadi dua suku kata, atau leksikal dua suku kata dipendekkan menjadi satu suku kata. Pemendekan suku kata terjadi disebabkan oleh proses linguistik tertentu. Misalnya, pengguguran segmen pepet (*schwa*). Dialek Malayik yang terdapat di bahagian timur Semenanjung banyak memperlihatkan penyingkatan suku kata menerusi proses linguistik seperti ini. Dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu misalnya, banyak menunjukkan keberadaan leksikal, seperti [pyau] “perahu” dan [blakan] ~ [blake] “belakang” (Mohd Tarmizi Hasrah, 2022; Wu, 2023). Dalam contoh yang ditampilkan ini, pengguguran pepet dalam suku kata pertama menyebabkan struktur fonotaktik asalnya yang bersuku kata dua dan kata tiga berubah menjadi ekasuku kata dan dwisuku kata, masing-masing. Penyingkatan seperti inilah yang turut muncul dalam DMB.

Dari segi acuan pula, suku kata bahasa Austronesia dan Malayik bersifat dwisuku yang berstruktur VKV, VKVK, KVKV dan KVKVK (Adelaar, 1992; Blust, 2013; McDonnell et al., 2024). Struktur ini jugalah yang membina suku kata dasar DMB. Dalam konteks penyingkatan suku kata, data DMB menunjukkan bahawa hanya leksikal berdwisuku kata yang disingkatkan menjadi ekasuku kata. Penyingkatan dwisuku kata menjadi ekasuku kata ini melibatkan leksikal pinjaman bahasa Siam dan leksikal asli DMB seperti yang dapat diperhatikan dalam Jadual 7 dan Jadual 8.

Jadual 7 Leksikal pinjaman.

Glos	Thai	DMB
rehat	pha?	[p ^h a?]
gaya	tha:	[t ^h a]
tunggu	khɔ:y	[k ^h ɔ]
tonyoh	khat	[k ^h a? k ^h a?]
datuk	cha:y	[c ^h ɛ]
teh	cha:	[c ^h a]

Jadual 8 Leksikal asli.

Glos	DMB
pahit	[p ^h ɛ?]
pauh	[p ^{hw} oh]
pohon	[p ^h oŋ]
empat	[p ^h a?]
itu	[t ^h u]
tahu	[t ^h u]
tahan	[t ^h aŋ]
tahun	[t ^h oŋ]
baling	[t ^h o?]
kain	[k ^h eŋ]
kurung	[k ^h uŋ]
kait	[k ^h ɛ?]
cium	[c ^h oŋ]
cicit	[c ^h ɛ?]

Terdapat tiga pertanyaan yang perlu ditangani tentang data ini, iaitu:

- Apakah punca yang mewujudkan penyingkatan leksikal dwisuku kata menjadi ekasuku kata dalam DMB?
- Apakah proses linguistik yang terlibat dalam penyingkatan ini?
- Adakah penyingkatan suku kata ini mempengaruhi penyebaran konsonan hentian tidak bersuara beraspirasi dalam semua lingkungan leksikal DMB?

Untuk pertanyaan pertama, kontak dan inovasi dalaman dapat dipertimbangkan sebagai penjelasannya. Jika data dalam Jadual 7 dan

Jadual 8 diperhatikan, kontak memang menjadi sebab yang paling asas. Hal ini bermaksud, kewujudan leksikal ekasuku kata yang disingkatkan daripada leksikal dwisuku kata berpunca daripada peminjaman bahasa lain, iaitu bahasa Siam. Maksudnya ialah DMB terlebih dahulu meminjam leksikal ekasuku kata bahasa Siam. Struktur suku kata pinjaman ini tertekap dalam sistem linguistik DMB, lantas mencetuskan inovasi dalaman terhadap leksikal asli DMB. Cetusan inovasi ini menyebabkan struktur leksikal asli DMB dwisuku kata berubah menjadi ekasuku kata bagi menuruti struktur suku kata pinjaman. Inovasi suku kata leksikal asli DMB sejalur dengan pertanyaan kedua yang menekankan proses linguistik. Tentang inovasi dalaman yang mengubah struktur suku kata ini, antara proses linguistik yang terlibat termasuklah:

- i. Pengguguran konsonan koronal di antara vokal. Konsonan koronal yang dimaksudkan ialah MP *h. Leksikal yang terlibat adalah seperti yang berikut:
 [p^heʔ] (< MP *pahit)
 [p^hoŋ] (< MP *pohon)
 [t^hu] (< MP *tahu)
 [t^haŋ] (< MP *tahan)
 [t^hoŋ] (< MP *tahun)
 [t^hoʔ] (Kelantan: t^hoʔ) ‘buang’
 [k^huŋ] (< MP *kuyun)
- ii. Pengguguran vokal pertama dalam deretan dua vokal dengan perubahan nilai pada vokal kedua. Sebagai contoh:
 [p^hoh] (< MP *pauh)
 [k^heŋ] (< MP *kain)
 [k^heʔ] (MP *kait)
- iii. Pengguguran suku kata awal seperti dalam contoh yang berikut:
 [c^heʔ] (< MP *cicit)
 [t^hu] (< MP *itu)
 [p^haʔ] (< MP *empat)

Pengguguran konsonan geseran glotis, iaitu [h] pada posisi di antara vokal agak lazim dalam dialek Malayik Semenanjung. Mohd Tarmizi Hasrah (2022) umpamanya ada melaporkan beberapa leksikal dialek di bahagian Semenanjung Timur yang memperlihatkan gejala ini. Dialek Melayu Pahang misalnya memiliki leksikal, seperti [tau] “tahu”, [pyau] “perahu”, [bau] “bahu”, [ta^ʔiʔ] “tahi/najis” dan [pa^ʔiʔ] “pahit”. Akan tetapi, yang membezakan dialek Melayu Pahang dengan DMB ialah

pengguguran MP *h pada posisi di antara vokal tidak mengubah struktur suku kata. Kelainan yang ditunjukkan oleh DMB menerusi penyingkatan suku kata ini menimbulkan persoalan tentang penyebab penyebaran ciri aspirasi secara nalar ini. Dalam bahasa lain, perubahan dwisuku kata menjadi ekasuku kata mungkin boleh dianggap sebagai proses linguistik yang melatari penghasilan ciri aspirasi. Akan tetapi, data yang dipaparkan dalam Jadual 1 hingga Jadual 4 juga menunjukkan keberadaan leksikal yang berdwisuku kata dengan konsonan hentian tak bersuara yang memiliki ciri aspirasi. Keadaan ini bermaksud, ciri aspirasi muncul dalam kedua-dua suku kata, sama ada ekasuku kata atau dwisuku kata. Sehubungan dengan itu, penyingkatan suku kata tidak dapat dijadikan faktor utama yang mewujudkan ciri aspirasi dalam DMB.

Analogi

Jika bukan penyingkatan suku kata sebagai faktor yang mewujudkan konsonan beraspirasi dalam DMB, proses linguistik yang dapat dipertimbangkan sebagai penyebab utamanya ialah analogi.

Maksud analogi yang diterapkan dalam makalah ini ialah satu daripada proses linguistik diakronik yang merujuk “... *a process of regularization which affects the exceptional forms in the grammar of a language*” (Crystal, 2008:24). Menurut Smet dan Fischer (2017) pula, analogi merupakan suatu proses kognitif yang melibatkan “... *a comparison of a phenomenon based on observable similarities*”. Dalam kes DMB, proses analogi berlaku setelah leksikal yang dibentuk oleh konsonan hentian tidak bersuara menerima ciri aspirasi pada posisi awal kata dan di antara vokal. Perkara inilah yang dimaksudkan oleh Crystal (2008) sebagai proses regularisasi atau penalaran, iaitu jika sesuatu leksikal menerima konsonan hentian tidak bersuara yang beraspirasi pada posisi awal kata dan di antara vokal, semua leksikal yang dihadiri oleh konsonan hentian yang serupa dan pada posisi yang sama akan turut mendapat ciri aspirasi.

Secara lebih terperinci, pengoperasian analogi bermula apabila beberapa leksikal asli bahasa Siam yang mempunyai konsonan beraspirasi masuk dalam DMB menerusi DMP dengan ciri aspirasi tersebut dikekalkan. Sebagai contoh:

[p^haʔc^hi] (< Thai p^haʔc^hi)

[t^ha] (< Thai t^ha:)

[t^hanɔŋ] (< Thai t^hamnɔp)

[k^hɔ] (< Thai k^hɔ:y)

[k^haʔ] (< Thai k^hat)
[c^ha] (< Thai c^haː)

Dalam contoh ini, semua leksikal pinjaman bahasa Siam yang masuk dalam DMB dikekalkan ciri aspirasinya sebagai [p^h], [t^h], [k^h] dan [c^h]. Konsonan beraspirasi ini kemudiannya disejajarkan dengan konsonan serupa yang ada dalam DMB yang sejatinya tidak mengandungi ciri aspirasi, iaitu [p], [t], [k] dan [c], yang masing-masingnya ialah retensi konsonan MP, iaitu *p, *t, *k dan *c. Hal ini lantas menjadikan konsonan tersebut turut memiliki ciri aspirasi dan direalisasikan sebagai [p^h], [t^h], [k^h] dan [c^h].

Realisasi beraspirasi ini terbentuk disebabkan oleh penyesuaian yang dilakukan oleh penutur DMB dalam sistem fonologinya. Penyesuaian ini menegaskan bahawa setiap konsonan hentian tidak bersuara mesti memiliki ciri aspirasi sebagaimana leksikal pinjaman bahasa Siam. Proses analogi yang menyebabkan perubahan dalam sistem fonologi DMB ini menerbitkan leksikal yang pada asalnya tidak mempunyai konsonan hentian beraspirasi, kemudiannya memiliki ciri tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9 Perubahan konsonan asal kepada konsonan beraspirasi.

Glos	MP	DMB
pahit	*pahit	[p ^h eʔ]
lampu	*lampu	[lap ^h u]
itu	*itu	[t ^h u]
ketat	*kotat	[k ^h ət ^h aʔ]
suluh	*suluh	[c ^h uloh]

Difusi Dialek Melayu Kedah

Hajek (2010) menyatakan bahawa aspirasi di utara Semenanjung ialah ciri kawasan. Yang dimaksudkan oleh Hajek dengan konsep ini ialah aspirasi merupakan inovasi, khususnya di kawasan tersebut. Aspirasi dikatakan sebagai inovasi khas kerana ciri tersebut tidak ditemukan dalam dialek Malayik lain di Semenanjung. Faktor yang mewujudkan ciri kawasan ialah ekologi linguistik. Ekologi linguistik menghadirkan suatu keadaan yang menyebabkan pembentukan intensiti kontak yang tinggi dengan bahasa Siam. Walau bagaimanapun, keadaan geopolitik moden sejak Perjanjian

Bangkok 1909 memberikan kesan terhadap keadaan kontak linguistik pada masa ini, khususnya di kawasan sempadan di sebelah Malaysia. Kesan yang dimaksudkan merujuk keterbatasan kontak dengan bahasa Siam yang menggalakkan penyebaran dialek Melayu Kedah (DMK) ke kawasan yang sejatinya tidak menurkannya seperti di Baling.

Implikasi penyebaran DMK ke Baling menyebabkan ciri aspirasi yang tiada dalam sistem fonologi DMK turut lenyap dalam DMB dan sistem fonologi DMB menyatu dengan sistem fonologi DMK. Data terkumpul di kampung yang terletak di sebelah selatan Baling jelas menunjukkan difusi DMK ini. Umpamanya, Pulau tetap mengekalkan realisasi [p], [t], [k] dan [c] tanpa hembusan [h]. Misalnya:

[pyu?] “perut”

[kɔpe?] “buah dada”

[blakan] “belakang”

[tulan] “tulang”

[cɛye?] “cerek”

Data Pulau ini membangkitkan persoalan penting yang menuntut penelitian lanjut, iaitu adakah berlaku difusi ciri DMK ke semua perkampungan yang terdapat di Baling, lantas mengubah konsonan hentian tidak bersuara yang beraspirasi menjadi konsonan hentian tidak bersuara yang biasa? Jika benar difusi DMK sudah meluas ke semua kawasan di Baling, implikasinya adalah terhadap pengelompokan dialek. Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021) mencadangkan supaya DMB dikelompokkan dengan dialek Melayu di Sik dan di Pengkalan Hulu disebabkan oleh inovasi khas DMB yang melibatkan ciri aspirasi. Difusi DMK bakal melenyapkan ciri aspirasi lantas menatijahkan ketidaksesuaian pengelompokan yang dicadangkan oleh Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021), dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani et al. (2024).

KESIMPULAN

Terdapat bukti yang mencukupi yang dikutip daripada pelbagai sumber untuk mengesahkan kehadiran konsonan hentian tidak bersuara yang beraspirasi sebagai ciri khas DMB, sekali gus menjadikannya sebagai penanda identiti DMB. Secara tuntas, dapat dikatakan bahawa kehadiran ciri aspirasi dalam DMB adalah kecil, dan sebahagian besarnya terhad pada leksikal pinjaman daripada bahasa Siam. Namun begitu, fakta lapangan menunjukkan bukti yang kuat bahawa ciri aspirasi juga turut

muncul dalam leksikal asli DMB. Hal ini terjadi terutamanya menerusi mekanisme inovasi dalaman linguistik.

Tuntasnya, ciri aspirasi bukanlah ciri eksklusif yang hanya dapat ditemukan dalam kelompok bahasa Tai-Kadai atau bahasa Aslian, tetapi turut ditemukan dalam cabang Malayik di utara Semenanjung. Keberadaan ciri aspirasi ini, termasuklah beberapa ciri lain, secara tidak langsung, menatijahkan keberadaan fakta bahawa DMB bukan sejatinya subdialek bagi dialek Melayu Kedah, tetapi dialek tersendiri yang memerlukan pengelompokan baharu. Akan tetapi, yang menjadi persoalan ialah apakah kelompok dialek yang sesuai untuk menaungi DMB? Mungkinkah akan ada cabang dialek Melayu baharu yang merangkaikan dialek Melayu di Baling-Sik-Pengkalan Hulu-Jeli?

Kewujudan kelompok dialek Melayu ini sangat relevan untuk difikirkan. Hal ini dikatakan demikian kerana semua kawasan yang dinyatakan sememangnya berada dalam lingkungan geografi yang berdekatan. Oleh itu, kemungkinan untuk berlakunya inovasi bersama dari segi linguistik adalah sangat tinggi. Kontak manusiawi, khususnya yang berkait dengan migrasi dan sejarah juga dapat difikirkan sebagai faktor yang relevan yang menjadi penyebab kewujudan keserupaan linguistik yang menautkan kawasan tersebut.

Kini, wujud gejala yang menunjukkan bahawa konsonan beraspirasi dalam DMB sedang mengalami perubahan. Satu daripada sebabnya ialah penutur DMB telah berasimilasi dengan penutur DMK dan penutur DMB cenderung untuk menggunakan DMK dalam pertuturan harian. Jika senario di Baling dilihat, rata-rata penutur muda lebih cenderung untuk menggunakan DMK yang disifatkan lebih berprestij. Dapat dikatakan bahawa konsonan aspirasi yang dibincangkan dalam makalah ini hanya dikesan dalam pertuturan generasi tua. Satu daripada faktor yang menyebabkan fenomena seperti ini berlaku ialah arus pemodenan dan perbandaran yang makin rancak berlaku hampir di seluruh daerah Baling. Perbandingan demografi dan infrastruktur dalam tempoh sepuluh tahun bagi kawasan itu sudah pasti menandakan transformasi yang cukup berbeza. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Baling yang dahulunya merupakan kawasan hulu, kini sudah berubah menjadi kawasan tumpuan manusia dan perbandaran. Transformasi seperti ini sudah tentunya mengundang implikasi linguistik, iaitu penyatuan DMB dengan DMK atas semangat lakuan tindak-jelma kejatian (*acts of identity*) sebagai *Kedahan*.

NOTA

- 1 Bahasa Aslian merupakan cabang paling selatan bagi kelompok bahasa Austroasiatik yang merangkumi bahasa Mon-Khmer di Indo-China (Vietnam, Kemboja, Laos dan Myanmar termasuk Thailand) dan bahasa Orang Asli di Malaysia, terutama bagi kelompok Negrito (Matissoff, 2003).
- 2 Malayik merujuk kelompok bahasa yang memperlihatkan persamaan linguistik yang ketara dengan bahasa Melayu, seperti bahasa Iban, bahasa Banjar, bahasa Minang, bahasa Serawai dan bahasa Kedayan (Adelaar, 1992). Menurut Hudson (1970), istilah Malayik merupakan gabungan kata dasar Malay yang dibubuh akhiran -ic/k. Istilah ini dicipta bagi menunjukkan hubungan kekerabatan kelompok bahasa ini yang berkongsi inovasi bersama daripada bahasa Melayu-Polinesia purba dan bahasa Austronesia purba.

PENGHARGAAN

Kajian ini didanai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) menerusi Fundamental Research Grant Scheme (FRGS-Racer) (RACER/1/2019/SSI01/UUM//1).

SUMBANGAN PENGARANG

Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, pengintepretasian hasil serta penulisan dan penyediaan makalah; Mohd Tarmizi Hasrah: Analisis, pengintepretasian hasil serta penulisan, termasuk penyediaan, semakan dan pengesahan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

1. Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.
2. Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden [Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani], atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdul Karim Ismail. (1971). *Dialek Baling (Sifat-sifat umum dan kumpulan teks)* [Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Adelaar, K. A. (1992). *Proto-Malayic: The reconstruction of phonology and parts of its morphology and lexicon*. Australian University Press.
- Anderbeck, K. (2016, April). *The vernacular Malayic lects of the Malay Peninsula (Singapore, Peninsular Malaysia, Southern Thailand): Language identification*. Sustainable Use Model for Language Development Workshop in Ipoh, Malaysia. <https://www.academia.edu/29723544>
- Asmah Haji Omar. (1977). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu* edisi kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benjamin, G. (1976). *Austroasiatic subgroupings and prehistory in the Malay Peninsula*. University of Hawaii.
- Blust, R. (1969). Some new Proto-Austronesian trisyllables. *Oceanic Linguistics*, 8, 85–104.
- Blust, R. (2006). The origin of the Kelabit voiced aspirates: A historical hypothesis revisited. *Oceanic Linguistics*, 45(2), 311–338.
- Blust, R. (2010). The greater North Borneo hypothesis. *Oceanic Linguistics*, 49(1), 44–118.
- Chambers, J., & Trudgill, P. (1998). *Dialectology* (ed. ke-2.). Cambridge University Press.
- Collins, J. T. (2017). Homeland and the homeland of Malay. Dlm. J. T. Collins & Awang Sariyan (pnyt.), *Borneo and the homeland of the Malay*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, T., & Bowern, C. (2010). *An introduction to historical linguistics*. Cambridge University Press.
- Crystal, D. (2008). *Dictionary of phonetic and phonology*. Blackwell.
- Diller, A. (2008). Resources for Thai language research. Dlm. Diller, Anthony, Jerold A. Edmondson & Yongxian Luo (Eds.), *Tai-Kadai languages*. Routledge.
- Dixon, R. M. W. (2010). *Basic linguistic theory, vol. 1: Methodology*. Oxford University Press.
- Hajek, J. (2010). Aspiration in some varieties of Northern Aslian. *Oceanic Linguistics*, 49(2), 359–368.
- Hudson, A. B. (1970). A note on Selako: Malayic Dayak and Land Dayak languages in western Borneo. *Sarawak Museum Journal*, 18, 301–318.
- Ladefoged, P., & Maddieson, I. (1996). *The sounds of the world's languages* (ed. ke-2). Blackwell Publishers.

- Larish, M. D. (1997). Moklen-Moken phonology: Mainland or Insular Southeast Asian typology? Dalam W. A. L. Stokhof & Cecilia Ode (Eds.). *Proceedings of the Seventh International Conference on Austronesian Linguistics*. Leiden University: Department of Languages and Cultures of South East Asia and Oceania, Projects Division.
- Matissoff, J. (2003). Aslian: Mon-Khmer of Malay Peninsula. *Mon Khmer Studies*, 33, 1–58.
- McDonnell, B., Wu, J., McKinnon, T., & Adelaar, K. A. (2024). Malayic languages. Dlm. A. Adelaar & A. Schapper (Eds.), *The Oxford guide to the Malayo-Polynesian languages of Southeast Asia*. Oxford University Press.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Mohd Tarmizi Hasrah. (2023a). Aspiration in Baling Malay. Dlm. Hiroki Nomoto & Asako Shiohara (Eds.), *Language contact between Malay and indigenous languages*. NUSA, 75, 3–18. <http://doi.org/10.15026/0002000125>
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Mohd Tarmizi Hasrah. (2023b). Aspirasi sebagai penanda identiti dialek Melayu Baling. Dlm. Maslida Yusuf, Karim Harun & Rahim Aman (pnyt.), *Bahasa dan Identiti Masyarakat Tutur* (63–82). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, Mohd Tarmizi Hasrah & Khairul Faiz Alimi. (2024). Dialek Hulu Kedah: Satu pengelompokan baharu. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 1–44. [https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no1)
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2018). Dialek Melayu hulu dan hilir di timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 65–102.
- Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani. (2021). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 1–15. [https://doi.org/10.37052/jb21\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jb21(2)no2)
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2022). *Dialek Melayu hulu di timur Semenanjung Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mufwene, S. (2001). *The ecology of language evolution*. Cambridge University Press.
- Nor Habibah Che Rosdi, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. (2023). *Dialek hulu Perak utara: Pendekatan linguistik perbandingan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. (2019). Penyebaran Dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu Kajian Perbandingan Berasaskan Geographic Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(1), 77–96. <http://doi.org/10.17576/gema-2019-1901-05>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah & Harishon Radzi. (2020). *Dialektologi dan GIS*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Faslin Sulaiman. (2015). *Sistem fonologi subdialek Baling, Kedah* [Latihan ilmiah sarjana muda, Universiti Malaya]. UM Research Repository.

- Ostapirat, W. 2005. *Kra-Dai and Austronesian: Notes on phonological correspondences and vocabulary*. Routledge Curzon.
- Phaiboon, D. (2006). Glossary of Aslian languages, the northern Aslian languages of Southern Thailand. *Mon-Khmer Studies*, 36, 207–224.
- Pittayaporn, Pittayawat. (2024). On becoming mainland. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 39(1), 62–89.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Patani*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi A. Hamid & Mumad CheLaeh. (2020). Konsonan panjang dalam Dialek Melayu Patani. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 20(3), 181–198. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-11>
- Shuib Ismail. (1971). *Dialek Kedah Persisiran: Satu kumpulan teks serta pembicaraan linguistik* [Latihan ilmiah sarjana muda, Universiti Malaya]. UM Research Repository.
- Smet, D. H., & Fischer, O. (2017). The role of analogy in language change: Supporting constructions. Dlm. M. Hundt, S. Mollin & S. Pfenninger (Eds.), *The changing English language: Psycholinguistics perspectives (Studies in English Language)* (240–268). Cambridge University Press.
- Suwannathat-Pian, K. (1994). The Sam-sams: A study of historical and ethnic assimilation in Malaysia. *Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 9(1), 135–162.
- Swadesh, M. (1951). Diffusional cumulation and archaic residue as historical explanations. *Southwestern Journal of Anthropology*, 7(1), 1–21.
- Tadmor, U. (1995). *Language contact and systemic reconstruction: The Malay dialect of Nonthaburi, Central Thailand* [Tesis doktor falsafah, University of Hawaii]. ProQuest Dissertations Publishing.
- Thurgood, G. (1999). From ancient Cham to modern dialects: Two thousand years of language contact and change. *Oceanic Linguistics Special Publication*, No. 28. University of Hawai'i Press.
- Trudgill, P. (1986). *Dialects in contact*. Cambridge University Press.
- Umaiyah Umar. (1999). *A classification of Thai-Kedah dialect using phonological characteristics* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Umaiyah Umar. (2008). *Lexical borrowing between Austronesian and Tai-Kadai language families: Focus on Malay and Thai languages*. [Pembentangan makalah]. The Third International Seminar on Austronesian Dialects in the Malay Archipelago di Brunei Darussalam.
- Wilding, A. (1987). *Outline of Pattani Malay sounds*. Overseas Missionary Fellowship.
- Wu, J. (2023). *Malayic varieties of Kelantan and Terengganu: Description and linguistic history*. LOT, Netherlands Graduate School of Linguistics.
- Zaharah Mahmud. (1979). The evolution of population and settlement in the state of Kedah. Dlm. Asmah Haji Omar (Ed.), *Darulaman essays on linguistic, cultural and socioeconomic aspects of the Malaysian state of Kedah* (67–71). Penerbit Universiti Malaya.